



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PERGERAKAN RENTAS DAERAH / NEGERI BAGI PERKHIDMATAN TEKSI DAN KENDERAAN E-HAILING

Perkhidmatan teksi dan kenderaan e-hailing di Semenanjung Malaysia diklasifikasikan sebagai perkhidmatan perlu (essential services) sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (sekatan pergerakan penuh) bermula 1 Jun 2021 serta dibenarkan untuk beroperasi antara daerah dan antara negeri hanya bagi tujuan membawa penumpang yang mempunyai kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana diperlukan.

Pemandu teksi boleh mendapatkan surat kelulusan melalui Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) di bawah seliaan MOT, <https://application.mot.gov.my>, manakala kelulusan untuk pemandu kenderaan e-hailing pula dikeluarkan oleh pengendali atau operator syarikat masing-masing.

Para penumpang yang menggunakan perkhidmatan teksi atau e-hailing untuk perjalanan antara negeri atau daerah perlu mendapatkan kebenaran pergerakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Walau bagaimanapun, bagi negeri Sabah dan Sarawak, Jawatankuasa Pengurusan Bencana kedua-dua negeri **DIBENARKAN** untuk mencadangkan SOP mengikut keperluan negeri masing-masing serta mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kesihatan. Oleh itu, terdapat perbezaan SOP tertentu di negeri Sabah dan Sarawak berbanding SOP yang dipraktikkan di seluruh negara.

Ini selari dengan Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.3) Pindaan 2021 yang berkuatkuasa 22 Jun 2021:

#### Peruntukan khas berhubung dengan kawalan pergerakan di dalam Negeri Sabah

14A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, kawalan pergerakan, langkah, dan apa-apa syarat bagi kawalan pergerakan dan langkah itu, bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam Negeri Sabah, hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah."





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Susulan pindaan tersebut, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri COVID-19 Sabah telah mengeluarkan kenyataan mengenai kebenaran rentas daerah meliputi Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang kepada perkhidmatan e-hailing dan teksi yang berdaftar dengan e-hailing mengikut SOP MKN **TANPA** memerlukan surat kebenaran rentas daerah daripada polis yang berkuatkuasa 23 Jun 2021.

Dalam masa sama, semua operator dan penyedia perkhidmatan pengangkutan awam di Sabah serta Sarawak diingatkan supaya mematuhi SOP khusus yang berkaitan dengan negeri masing-masing.

Ini merujuk kepada laporan pemandu e-hailing di Sabah yang telah dikenakan notis kompaun pada 12 Jun 2021 lalu kerana cuba membawa pekerja sektor perlu di dua sempadan daerah.

SOP yang ditetapkan adalah bertujuan mengekang dan mencegah penularan wabak COVID-19 di seluruh negara serta dikemaskini dari semasa ke semasa.

Kementerian Pengangkutan Malaysia akan terus memantau keadaan yang berkaitan dengan sektor pengangkutan dan logistik serta mengesyorkan kepada MKN langkah-langkah bersesuaian dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**23 JUN 2021**

**-TAMAT-**

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**  
**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1-800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

